

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilakah Collection Management Organisation (CMO) untuk Sabah dan Sarawak akan di laksanakan sebagai langkah untuk memajukan industri kreatif seni muzik, lagu-lagu dan perfileman yang unik dan berbakat itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gerakan kepada memartabat dan memperkasa hala tuju industri kreatif di Sabah dan Sarawak telah diambil cakna oleh dua (2) persatuan iaitu *Sabah Composers and Music Video Makers Association* (SCORE) mewakili pemain industri di Sabah dan Labuan, dan Persatuan Armada Anak Seni Sarawak (ARAS) mewakili pemain industri di Sarawak. Kedua-dua persatuan ini telah menubuhkan *Music Rights Sabah Berhad* (MRS) dan *Music Rights Sarawak Berhad* (MRSB) untuk memenuhi hasrat beroperasi sebagai '*collective management organization*' dengan izin atau suatu badan pelesenan bagi mewakili penggiat-penggiat seni kategori muzik, rakaman bunyi dan pelaku rakaman di Sabah, Sarawak dan Labuan.

MRS dan MRSB telah mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) masing-masing pada 15 November 2019 dan 23 Disember 2020 untuk dipertimbangkan bagi perisytiharan sebagai badan pelesenan di bawah peruntukan Seksyen 27A, Akta Hak Cipta 1987 dan seterusnya dapat mengurus tadbir badan pelesenan yang berpusat masing-masing di Sabah dan Sarawak agar ekosistem pengurusan dan pentadbiran industri muzik tempatan dapat dikoordinasi dan diselaras dengan lebih baik di rantau Borneo.

Kedua-dua pihak ini, MRS dan MRSB telah memberikan komitmen yang baik dalam menyempurnakan beberapa dokumen pematuhan tambahan yang perlu dilengkapkan. Mengambil kira kekangan berikutan situasi pandemik Covid-19, MRS dan MRSB memerlukan lebih masa untuk menyediakan dokumen-dokumen tersebut yang perlu dikemukakan kepada MyIPO agar suatu pertimbangan pengisytiharan dapat dimuktamadkan selaras dengan Akta Hak Cipta 1987. Dijangka proses ini dapat disempurnakan dalam masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.